

Pilihan Sesudah Impian 34


Saranan Perubatan kepada Tetamu al-Rahman 90

SOLUSI

Panduan
Hidup
Bersyariat



BAWA HATI PERGI HAJI



Sebuah terbitan



MAJALAHINI MENGANDUNG
AYAT SUCI AL-QURAN
PELITARAH AL-KESUCIANNYA



DEEN

Firdaus Wong Wai Hung
**KAABAH BUKAN
SEMBAHAN BERHALA**



MUSTAQIM

Dr. Mohammad Nidzam
Abdul Kadir
**KEANJALAN DALAM
BILANGAN ZIKIR**

ISSN 1985-5400



RM10.00 (SEM)
RM12.00 (SIS)
SGD7.50
BND7.50
USD10.00
EUR8.00
IDR35,000.00
AUD7.50



Azrul Azlan

Pemegang ijazah Kedoktoran bahasa Arab dari University of Jordan. Kini pensyarah di UIAM. Merupakan penulis *Indahnya Hidup Bersyariat* terbitan Telaga Biru. Hubungi beliau di mohdazrulazlan@gmail.com

Refleksi al-Quran

وَمَنْ يُوقَ سُحْ نَفِسِهِ
فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: “Dan sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada **sifat bakhil**, maka mereka itulah orang yang beruntung.” (Surah al-Hasyr 59: 9)

BAKHIL OH BAKHIL

Mungkin kita sudah sinonim dengan watak Haji Bakhil yang dimainkan dalam filem *Labu dan Labi*. Satu karakter yang menonjolkan sifat terlalu bakhil seorang lelaki yang merupakan majikan kepada Labu dan Labi.

Apa-apa sahaja yang melibatkan pengeluaran duit dan harta pasti akan cuba dielak. Ibarat “resmi” Haji Bakhil, semakin kaya semakin bakhil dan kedekut. Namun, melihat filem ini tanpa mengambil pengajarannya adalah sesuatu yang merugikan.

Cuba lihat, adakah sifat ini wujud dalam diri kita?

Al-Quran dan Sifat Bakhil

Begitu juga apabila kita membaca ayat-ayat al-Quran mengenai sifat orang bakhil. Salah satu ayat yang berbicara tentang manfaat orang yang menjauhkan diri daripada sikap kikir adalah ayat 9, surah al-Hasyr. Perkataan **سُحْ** dalam ayat di atas bermaksud terhalang untuk memberi kerana sifat tamak yang dimiliki. *Al-Suh* bermaksud bakhil yang disertai dengan tamak.

Konteks Ayat

Konteks ayat ini adalah mengenai orang Ansar yang:

- Sanggup memberikan apa-apa yang dimiliki kepada golongan Muhajirin. Pemberian tersebut bukanlah kerana terpaksa, tetapi kerana **kecintaan** kepada golongan Muhajirin yang merupakan saudara seagama.



- Membuka seluas-luasnya rumah dan hati mereka untuk saudara seagama dalam kalangan Muhajirin yang tidak memiliki apa-apa ketika itu. Ini menunjukkan bahawa golongan Ansar terselamat daripada penyakit bakhil.

Kaedah Ayat

1 Sifat bakhil mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan nafsu manusia. Sebab itulah perkataan **سُحْ** digandingkan dengan perkataan **نَفِسٌ**. Walaupun begitu, membuang sifat bakhil dari dalam diri manusia bukanlah sesuatu yang mustahil.

2 Orang yang **bakhil** akan melakukan kezaliman dan menghalang diri daripada melakukan kebaikan kepada orang lain.

3 Penyakit **السُّحْ** merupakan penyakit tamak yang menjadikan seseorang itu bakhil kerana menghalang diri daripada memberi apa-apa yang menjadi miliknya. **Si bakhil juga akan terus menjadi zalim** dengan mengambil barang yang menjadi hak orang lain sehingga sanggup memutuskan silaturahim kerana muncul dalam dirinya sifat hasad dan dengki.

Perkara ini juga dijelaskan melalui dua surah yang bermula dengan perkataan **عَذَابٍ** (celakalah!):

- “Kecelakaanlah bagi setiap **pengumpat** lagi **pencela**. Yang mengumpulkan harta dan menghitung-hitung.” (Surah al-Humazah 104: 1-2)
- “Kecelakaan besarlah bagi orang yang curang (dalam timbangan). (Iaitu) mereka





yang apabila menerima sukatan daripada orang lain, mereka mengambilnya dengan cukup. Dan apabila mereka menyukat atau menimbang (**untuk orang lain**), **mereka mengurangkannya.**

(Surah al-Mutaffifin 83: 1-3)

Lihatlah, kedua-dua ayat ini menunjukkan sikap tamak yang menyebabkan seseorang menjadi:

- Pengumpat dan pencela supaya keuntungan sentiasa menyelbahinya.
- Bakhil apabila menyukat atau menimbang untuk orang lain, lalu dia mengurangkan timbangan.

4 Si bakhil juga turut mempertahankan apa-apa yang dimiliki daripada jatuh ke tangan orang lain. Jiwa manusia tidak akan terlepas daripada sikap bakhil dan kikir jika sikap mencintai dunia mula membarah dalam diri.

Tadabbur Ayat

1 Perkaitan ayat-ayat daripada surah al-Hasyr, al-Humazah dan al-Mutaffifin, bukan sekadar merujuk kepada perbuatan culas dalam timbangan, tetapi **culas dalam bekerja** juga termasuk dalam kaedah ayat-ayat ini.

Cuba bayangkan pada hujung bulan, kita melihat slip gaji yang tertera potongan gaji tanpa diketahui sebabnya. Mungkin kita akan berang dengan potongan tersebut. Sedangkan sewaktu bekerja, kita culas.

- Mula lambat, habis awal.
- Sibuk dengan aplikasi media sosial sehingga mengabaikan tugas.
- Sibuk berborak dengan rakan-rakan sekerja sehingga kerja terabai.
- Berkira-kira untuk melakukan tugas tambahan yang diberikan oleh majikan dengan alasan ia tidak termasuk dalam senarai kerja.

Hakikatnya, kesemua perbuatan yang disebut di atas termasuk dalam sifat bakhil yang akhirnya akan merosakkan diri sendiri.

2 Langkah pertama yang terdapat pada ayat 9, surah al-Hasyr adalah kecintaan golongan Ansar terhadap golongan Muhibbin. Kita akan berasa terbeban apabila datang orang yang ingin menumpang berteduh di rumah kita dalam tempoh yang lama.

Membina kecintaan kepada orang asing yang baru dikenali bukanlah perkara yang mudah. Namun Allah mahu kita belajar daripada golongan Ansar yang sanggup berkurban demi

orang lain dan belajar mencintai sesama umat Islam. Rasa cinta akan menggalakkan sifat memberi dan menghindari sifat bakhil dalam diri.

3 Tidak mengharapkan ganjaran dan balasan daripada apa-apa yang telah diberikan. Membuat sesuatu secara ikhlas juga akan mendidik manusia agar tidak menjadi tamak dan bakhil dengan sesuatu yang dimiliki.

4 Mendahulukan orang yang memerlukan berbanding diri sendiri akan menjauahkan kita daripada sifat bakhil dan tamak akan harta.

Hutang Itu Aku Halalkan!

Qais bin Sa'ad merupakan seorang sahabat Nabi s.a.w. yang dermawan. Suatu hari, dia ditimpah penyakit, namun tiada sesiapa yang datang menziarahinya. Dia pun tertanya-tanya punca tiada sesiapa yang sudi mengunjunginya.

Lalu saudara-saudaranya menjawab: "Mereka berasa malu kerana berhutang denganmu."

Lalu Qais berkata: "Allah menghina harta yang menyebabkan orang tidak mengunjungi saudara mereka yang ditimpah penyakit."

Lalu Qais berteriak: "Sesiapa yang berhutang kepadaku, hutang itu aku halalkan mulai hari ini." Mendengar berita itu, para penghutang datang berbondong-bondong mengunjungi Qais. (Madarij al-Salikin)

Inilah potret kehebatan jiwa dan akhlak yang luhur yang ditunjukkan oleh Qais bin Sa'ad kepada masyarakat ketika itu.

ReSOLUSI

1. Belajar untuk menyayangi agar tidak lokek untuk memberi apa-apa yang dimiliki.
2. Ikhlas dalam memberi supaya tidak menjadi orang yang bakhil dan tamak di kemudian hari.
3. Belajar mendahulukan golongan yang memerlukan walaupun rasa berat untuk melepaskan apa-apa yang disayangi. ☪